

Budaya mogok ^{u. m'sia} ^{m/s 4 17/10/07} pekerja Bangladesh

PUTRAJAYA 16 Okt. - Budaya mogok dan protes di kalangan pekerja asing Bangladesh sudah menular ke negara ini malah ada yang berani bertindak menuntut ditukarkan majikan dan menghalang tindakan Jabatan Imigresen daripada mengusir mereka.

Ketika mendedahkan kerenah buruk pekerja asing tersebut, Pengarah Bahagian Penguat Kuasa Imigresen, Datuk Ishak Mohamed berkata, ia membabitkan 799 pekerja warga Bangladesh yang menaiki 25 buah bas ke Kuala Lumpur kerana tidak berpuas hati dengan majikan asal mereka di Muar, Johor.

Katanya, sebaik tiba di Kuala Lumpur pada 9 Oktober lalu, pekerja asing tersebut bertemu dengan wakil kedutaan mereka untuk menyatakan rasa tidak puas hati dengan empat majikan asal mereka.

"Hasil rundingan dengan Jabatan Imigresen pada petang hari yang sama, kesemua pekerja itu memutuskan untuk tidak kembali ke majikan asal masing-masing sebaliknya bersedia dihantar pulang ke Bangladesh," katanya di sini hari ini.

Bagaimanapun, katanya, pekerja tersebut menunjukkan sikap buruk dan enggan bekerjasama dengan pihak Imigresen ketika mahu dihantar ke pusat penampungan, malah mereka memprotes dan enggan menaiki bas itu dengan alasan mereka takut dihantar kembali ke majikan asal mereka.